

K. P. U. 5.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)
PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH, 1983
SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil:

1. Nama dan Pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Kesalahan-kesalahan yang bolch dikompaun.
4. Jumlah kompaun dan cara pembayaran.
5. Borang tawaran.
6. Borang menerima tawaran.
7. Kuasa Yang Dipertua mengubahsuai borang.
8. Pemansuhan.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)
PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH, 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah membuat dan Pihak Berkuasa Negeri dengan ini menyesahkan Undang-undang Kecil berikut:

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah, 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari, 1983.
 (2) Undang-undang Kecil ini hendaklah dipakai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang tersebut dalam Jadual.
2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
 "Akta" ertiinya Akta Kerajaan Tempatan 1976.
 "Pihak Berkuasa Tempatan" ertiinya mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang disebut dalam Jadual.
 "Undang-undang Kecil lain" ertiinya mana-mana undang-undang kecil yang masih berkuatkuasa dan dipakai oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.
 "Yang Dipertua" ertiinya mana-mana Yang Dipertua dan termasuk Setiausaha Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.
3. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82 (5), 91, 107, 109, 140(2) (a), 160 dan 161, Akta itu dan lain-lain kesalahan di bawah Undang-undang Kecil lain boleh dikompaun oleh Yang Dipertua atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa secara berulis olehnya bagi tujuan tersebut.
4. (1) Jumlah wang yang boleh dipungut bagi mengkompaun sesuatu kesalahan itu hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah Akta, atau tidak melebihi tiga ratus ringgit, jika kesalahan itu di bawah suatu undang-undang kecil.
 (2) Pembayaran boleh diarahkan sendiri dengan secara wang tunai kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, atau, jika pembayaran diantar melalui kiriman wang pos, pesanan bank atau deraf bank, innyi hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan di mana kesalahan itu dilakukan dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".
 (3) Tiap-tiap pembayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai wang kepunyaan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya atas nama orang yang membayar kompaun itu.
5. Borang "A" hendaklah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun.
6. Borang "B" hendaklah digunakan untuk menerima tawaran mengkompaun.

Kuan Yung
Dipertua me-
nugubahanul
Bojang.

Pemansuhan
K. P.U. 51/
1939.

7. Yang Dipertua boleh dari semasa kesemasa mengubahsuai mana-mana Borang yang tersebut dalam Undang-undang Kecil 5 atau 6 seperitimana yang difikirkan perlu.

8. Petetapan di bawah seksyen 16 Undang-undang Lembaga Bandaran Bab 137 Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu tarikh 26hb April, 1959 adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL.

(Undang-undang Kecil 1(2))

PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH

1. Majlis Perbandaran Kota Setar.
 2. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda.
 3. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kulim. /
 4. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Baling.
 5. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kubang Pasu.
 6. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Sik.
 7. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Bandar Baharu.
 8. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Padang Terap.
 9. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Pendang.
 10. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Langkawi.
 11. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Yan.

BORANG "A"

(Undang-undang Kecil 5)

TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada :

Tuan/Puan

Ruiyuan

BAHAWASANYA, menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang yang berksite-

Tarikh..... Waktu.....

Tempat

Tempat.....
Butir-butir kacang

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-undang Kecil (Meng-kompaun Kesalahan-kesalahan) Pihak-pihak Berkuasa Tempatan 1983, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan, untuk meng-kompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak \$..... (Ringgit.....)

Pembayaran boleh diserahkan dengan sendiri secara wang tunai kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, atau, jika pembayaran dihantar melalui kiriman wang pos, pesanan bank atau draf bank, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

Satu resit rasmi akan dikeluarkan kepada pembayar apabila pembayaran dibuat.

3. Tawaran ini akan luput tempohnya pada.....
Jika pembayaran penuh wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan (1) pada tarikh tersebut tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada....., haribulan....., 19.....

* (2)..... *Yang Dipertua*

* (1) Waktu Urusan :

Sabtu—Rabu: 8.30 pagi hingga 12.30 ptg.
2.00 ptg. hingga 3.00 ptg.

Khamis: 8.00 pagi hingga 12.30 ptg.

* (2) Untuk ditandatangani oleh orang yang diberikuasa mengkompaun dan nama penulis serta nama jawatannya hendaklah dinyatakan di bawah tandatangannya,

BORANG "B"

(Undang-undang Kecil 6)

PENERIMAAN TAWARAN MENGGOMPAUN

Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Kota Setar/

Majlis Daerah Kerajaan Tempatan

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan..... dan bertarikh.....
Saya terima tawaran itu dan disertakan bersama ini wang tunai *(3) Kiriman Wang Pos/Pesanan Bank/Draf Bank No..... sebanyak \$.....(Ringgit.....) bagi membayar kompaun itu.

Tandatangan.....

Nama (Huruf Besar).....

Alamat.....

Tarikh.....

* (3) Pembayaran wang tunai melalui pos tidak dibenarkan